PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

# Polis mungkin akan panggil Chow Kon Yeow untuk beri keterangan



SAHABUDIN ABD. MANAN

Oleh SAFINA RAMLI 24 Mei 2021, 8:09 pm

GEORGETOWN: Ketua Menteri, Chow Kon Yeow atau pegawai di pejabatnya mungkin akan dipanggil memberi keterangan untuk melengkapkan kertas siasatan berhubung tawaran sumbangan vaksin Covid-19 Pulau Pinang.

Ketua Polis negeri, Datuk Sahabudin Abd. Manan berkata, polis juga telah merekodkan keterangan seorang lelaki berusia 50-an yang telah menawarkan sumbangan vaksin berkenaan kepada kerajaan negeri.

“Lelaki berkenaan mengaku surat tersebut ditulis sendiri olehnya, malah dia juga telah menandatangani surat itu.

“Siasatan lanjut masih dijalankan, beberapa lagi pihak termasuk Ketua Menteri atau pegawai di pejabatnya akan dipanggil untuk melengkapkan kertas siasatan kes ini,” katanya di sini hari ini.

Selasa lalu, kerajaan negeri meminta Kementerian Kesihatan memberi kelulusan menerima sumbangan dua juta dos vaksin Covid-19 dari sebuah syarikat swasta, namun permohonan pertama mereka ditolak.

Bagaimanapun Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin mengesahkan sumbangan dua juta dos vaksin Covid-19 oleh syarikat berpangkalan di Hong Kong itu adalah tawaran palsu.

Menurutnya, setakat ini seramai tujuh individu direkodkan keterangan bagi membantu siasatan kes tersebut.

“Polis juga kini sedang mendapatkan maklumat lanjut berhubung syarikat Xintai Development Enterprise Ltd. (Xintai). Ia bertujuan mengesahkan sama ada syarikat tersebut menawarkan sumbangan vaksin berkenaan,” katanya.

Dalam pada itu Sahabudin berkata, siasatan lanjut mungkin mengambil sedikit masa untuk dijalankan kerana pihak polis perlu mendapatkan maklumat berhubung syarikat itu di Hong Kong.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

“Pihak polis juga perlu meneliti beberapa perkara serta maklumat berhubung dengan siasatan kes tersebut. Kes

disiasat itu menurut Seksyen 420 dan 511 Kanun Keseksaan," katanya.

## BERITA SELANJUTNYA

by



Mufti Perak kini di ICU, isteri…



Individu tawar 2 juta dos vaksi…



Polis rakam percakapan A…

AD



Inilah Cara Menjana Wan…



Wujudkan IG anak hanya…




Idris, bekas pengawal…




Kon Yeow, Guan Eng ke…



Operasi kasino Genting diara…



Terkejut tanah pusaka diamb…




## POPULAR



**Hampir botak kerana kucing**

25 Mei 2021, 10:00 am



**Bakat, populariti Uqasha Senrose**

25 Mei 2021, 10:00 am

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU



**Setia ibu teman anak sekolah setiap pagi**

25 Mei 2021, 9:30 am





**Penduduk bakar kubur jenazah Covid-19**

25 Mei 2021, 9:30 am








Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

MMC untung RM221 juta

Tumpu gaji kolar biru

Harap kematian Khaleel bukan didera

Lockdown diri sendiri, usah harapkan kerajaan

'Mungkin kami terpaksa tahan lapar'

PCCS dilantik pengedar eksklusif produk Shenqi

## BERITA BERKAITAN



### Hampir botak kerana kucing

25 Mei 2021, 10:00 am



### Bakat, populariti Uqasha Senrose

25 Mei 2021, 10:00 am




Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU



### Setia ibu teman anak sekolah setiap pagi

25 Mei 2021, 9:30 am



### Penduduk bakar kubur jenazah Covid-19

25 Mei 2021, 9:30 am




Utusan Malaysia

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.



Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.